

Isu banjir: ADUN DAP persoal Kerajaan DAP P. Pinang

PULAU PINANG 17 Nov. - Bencana banjir yang kerap berlaku dan semakin buruk sejak kebelakangan ini menjadi antara topik hangat sepanjang perbahasan sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) hari ini termasuk dibangkitkan wakil rakyat Kerajaan DAP Pulau Pinang sendiri.

Antaranya **Yeoh Soon Hin (DAP-Paya Terubong)** yang mengaitkannya dengan projek-projek kondominium mewah yang semakin rancak di negeri ini yang disifatkan beliau sebagai tidak diperlukan rakyat.

Sehubungan itu, beliau mendesak Kerajaan DAP Pulau Pinang mengkaji semula kelulusan yang

diberikan kepada pemaju untuk membina kondominium mewah termasuk projek 60 tingkat di Pantai Tanjung Bungah.

"Projek berkenaan hanya dilihat mengikut kehendak pemaju, begitu juga dengan pembinaan sebuah lagi kondominium 47 tingkat di bahagian pulau ini," katanya.

Mengulas lanjut, jelas Soon Hin, Kerajaan DAP Pulau Pinang mempunyai isu lebih besar membabitkan kepentingan rakyat berbanding projek pembangunan yang perlu diselesaikan segera.

Antaranya, kata beliau, masalah ekonomi, kesesakan trafik serta banjir yang semakin meruncing apatah lagi melibatkan

banyak kerosakan.

Dalam masa sama, beliau mengesa pihak berkuasa tempatan (PBT) membuat pemantauan ketat dan semua pembangunan yang diluluskan harus mematuhi Rancangan Struktur Negeri.

"Selain itu, sistem perparitan sedia ada harus dikaji semula tambahan pula kerajaan negeri mempunyai peruntukan besar iaitu RM220 juta seperti diumumkan menerusi bajet baru-baru ini," katanya.

Terdahulu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N Rayer turut menyifatkan kekerapan bencana banjir kilat telah memalukan negeri ini.